

“Get RM50 Cash Back EVERY MONTH with PB Debit Card” (“**Campaign**”)

Terms and Conditions

Campaign Period

1. Campaign is valid from 1 September 2021 until 31 December 2021, both dates inclusive (“**Campaign Period**”).

Eligibility

2. The Campaign is open exclusively to all new and existing PB Debit Cardmembers (“**Eligible Cardmember**”).
3. Cardmembers whose accounts have been suspended, cancelled or terminated during Campaign Period are **excluded** from participating in the Campaign.

Participation Criteria

4. To participate in this Campaign, Eligible Cardmember is required to register his / her participation via a ONE (1) time Short Message Service (SMS) during the Campaign Period and send to 66300 in the following manner:-

Key in “PBEM<space>12-Digit NRIC Number” and send to 66300.

(Example: *PBEM 880808018888*)

5. If an Eligible Cardmember holds multiple Eligible Cards, the amount charged on all Eligible Cards shall be automatically tracked for the purpose of tabulating the Qualifying Transactions.
6. Eligible Cardmember is responsible to ensure that the SMS details are complete, accurate and sent during the Campaign Period. Proof of SMS sent does not constitute a confirmation of receipt by the Bank.
7. Eligible Cardmember who successfully register for the Campaign will receive a SMS confirmation from the Bank. A standard normal Telcommunication Operator charges apply for each SMS registration and shall be fully borne by the Cardmember.
8. In the event the SMS is incomplete / invalid, an outgoing SMS will be sent to the Eligible Cardmember, at no cost, to inform him / her to re-register via SMS.

9. The Bank will not be held responsible and reserves the absolute discretion to disqualify any registration from duplicate entries, incomplete / inaccurate SMS, late entries, error message, unsuccessful registration due to network failure and / or interruption experienced by a Telcommunication Operator or for any reason whatsoever as the Bank may in its absolute discretion deem fit.
10. If the date and time of a successful SMS registration or transaction date and time captured in the Bank's system differs or a dispute arises as to when the registration took place, the Bank's system date and time shall prevail.
11. After the successful SMS registration, Eligible Cardmember is required to use any of his / her PB Debit Card in the following manner to qualify for the Cash Back payment under this Campaign.

Campaign Mechanics

Mechanics ("Qualifying Transactions")	Number of Transaction	Total Cash Back
Spend minimum RM30 in a single receipt using PB Debit Card	$\geq 4X$	RM20
	$\geq 8X$	RM50

12. All Qualifying Transactions must be charged to PB Debit Card.

Note :-

"Qualifying Transactions" shall include all local and overseas transactions and excludes the transactions that earn Cash Back under other on-going Cash Back Campaigns, auto-debit, recurring payments, payments for utilities, direct marketing, insurance premiums, government related payments, payment via www.pbebank.com and ATM, any refund, disputed, unauthorized or fraudulent retail transaction, cash advance / cash withdrawal, quasi cash, casino transaction, interest payments, annual fees, reversals, payment to charity(ies), any form of service and / or miscellaneous fees.

13. Cash Back is capped at RM50 per Cardmember per month on a first-come, first-served basis.

14. The Bank allocated a maximum Cash Back payout of RM50,000 for each month and RM200,000 throughout the Campaign Period. The Cash Back payout is as follows:-

Month	Campaign Period	Cash Back Allocation (RM)
1	1 September 2021 – 30 September 2021	RM50,000
2	1 October 2021 – 31 October 2021	RM50,000
3	1 November 2021 – 30 November 2021	RM50,000
4	1 December 2021 – 31 December 2021	RM50,000
TOTAL		RM200,000

15. The Cash Back payout earned by the Eligible Cardmember shall be tracked in the following manner :-

SMS Received in a Month				
	Month 1	Month 2	Month 3	Month 4
Qualifying Transactions in each Tracking Month				
Month 1	✓	✓	✓	✓
Month 2	-	✓	✓	✓
Month 3	-	-	✓	✓
Month 4	-	-	-	✓

16. Cash Back will be credited to Cardmember's Debit Card Account within FOUR (4) to TWELVE (12) weeks after the end of each month and upon fulfilment of all terms and conditions listed.
17. Cash Back payment is non-transferable to any third party and is non-exchangeable for up-front cash or kind.
18. Eligible Cardmembers who participate in this Campaign during the Campaign Period will not be eligible for other PB Debit Card Usage Offers. All transactions by Eligible Cardmembers who participate in this Campaign during the Campaign Period will be excluded from other ongoing PB Debit Card Usage Offers.
19. In the event that there is a reversal of entry made on any one of the Qualifying Transactions after the Cash Back payment is credited into the Eligible Cardmember's account, the Eligible Cardmember is required to reimburse the Bank the entire Cash Back payment credited into his / her account.
20. If there is any dispute or non-receipt of the Cash Back, the Eligible Cardmember is required to contact PB Card Customer Service (03-2176 8000) by 31 March 2022. No inquiry will be entertained after 31 March 2022.

General Terms and Conditions

21. The Bank reserves the right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty-one (21) calendar days prior notice which notice of such change, amendment, deletion or addition shall be published on the Bank's website www.pbebank.com.
22. By participating in this Campaign, the Eligible Cardmember :-
 - 22.1 shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by these Terms and Conditions stated herein. The decision of the Bank shall be final, binding and conclusive. No correspondence, disputes and appeals will be entertained;
 - 22.2 agrees and consents that information regarding him/her can be processed, collected, used and stored by the Bank for the purpose of this Campaign;
 - 22.3 agrees that the decision of the Bank will be final, binding and conclusive and that no appeal, correspondence, queries or protests will be entertained; and
 - 22.4 agrees and consents that the Bank, as the case may be, may use his / her registered contact number for marketing purposes within the Bank.
23. Public Bank shall not be liable for any misinterpretation or misrepresentation of facts by any unauthorized third party in respect of this Campaign which is published in any mass media, marketing or advertising materials.
24. The Bank reserves the right to cancel, terminate or suspend the Campaign. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the Eligible Cardmember to any claim or compensation against the Bank for any and all loss or damage suffered or incurred by the Eligible Cardmember as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.
25. The Bank shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or whatsoever suffered by the Eligible Cardmember caused directly or indirectly, in whole or in part, from his/her participation in the Campaign as a result of any act or omission on the part of the Bank.
26. The Terms and Conditions herein are in addition to and without prejudice to the Terms and Conditions stated in the Cardmember Agreement applicable to the Eligible Cardmember's Card Account. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the "Get RM50 Cash Back EVERY MONTH with PB Debit Card" Campaign.

27. In the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.

END

“Dapatkan Pulangan Tunai RM50 SETIAP BULAN dengan Kad Debit PB” (“**Kempen**”)

Terma Dan Syarat

Tempoh Kempen

1. Kempen ini sah dari 1 September 2021 hingga 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).

Kelayakan

2. Kempen ini dibuka kepada semua Ahli Kad Debit PB baharu dan sedia ada (“**Ahli Kad yang Layak**”).
3. Ahli Kad yang akaun mereka telah digantung, dibatalkan atau ditamatkan semasa Tempoh Kempen **dikecualikan** daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini.

Kriteria Penyertaan

4. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad yang Layak perlu mendaftarkan penyertaannya melalui SATU (1) kali Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) semasa Tempoh Kempen dan hantar ke 66300 dengan cara yang berikut:-

Taip “PBEM<jarak>Nombor Kad Pengenalan 12 digit” dan hantar ke 66300.
(Misalnya: *PBEM 880808018888*)

5. Jika Ahli Kad yang Layak mempunyai beberapa Kad yang Layak, amaun yang dicaj bagi semua Kad yang Layak akan secara automatik dikesan bagi tujuan pengiraan Urus niaga yang Layak.
6. Ahli Kad yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan butir-butir SMS adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Kempen. Bukti SMS yang dihantar bukannya pengesahan penerimaan oleh Bank.
7. Ahli Kad yang Layak yang berjaya mendaftar untuk Kempen ini akan menerima pengesahan SMS daripada Bank. Caj Operator Telekomunikasi biasa yang standard dikenakan bagi setiap pendaftaran SMS dan akan ditanggung sepenuhnya oleh Ahli Kad.
8. Sekiranya SMS tidak lengkap/tidak sah, SMS balas akan dihantar kepada Ahli Kad yang Layak, tanpa kos, untuk memaklumkan kepadanya untuk mendaftar semula melalui SMS.

9. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak pendaftaran penyertaan berganda, SMS yang tidak lengkap/tidak tepat, penyertaan yang lewat, mesej yang silap, pendaftaran yang tidak berjaya dibuat disebabkan oleh kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang dialami oleh Operator Telekomunikasi atau atas apa juga sebab seperti mana yang Bank akan atas budi bicara mutlaknya menganggap wajar.
10. Sekiranya tarikh dan waktu pendaftaran SMS yang berjaya dibuat atau tarikh dan waktu urus niaga yang dikesan dalam sistem Bank berbeza atau timbulnya pertikaian mengenai bila pendaftaran dibuat, tarikh dan waktu dalam sistem Bank akan diterima pakai.
11. Selepas pendaftaran SMS berjaya dibuat, Ahli Kad yang Layak dikehendaki menggunakan Kad Debit PBnya melalui cara yang berikut untuk layak mendapat pembayaran Pulangan Tunai di bawah Kempen ini.

Mekanisme Kempen

Mekanisme ("Urus niaga yang Layak")	Bilangan Urus niaga	Jumlah Pulangan Tunai
Belanja minimum RM30 dalam resit tunggal menggunakan Kad Debit PB	≥ 4X	RM20
	≥ 8X	RM50

12. Semua Urus niaga yang Layak mesti dicajkan ke Kad Debit PB.

Nota :-

"Urus niaga yang Layak" hendaklah termasuk urus niaga dalam dan luar negeri, tidak termasuk urus niaga yang menghasilkan Pulangan Tunai di bawah Kempen Pulangan Tunai lain yang sedang berlangsung, debit auto, bayaran berulang, bayaran untuk utiliti, pemasaran terus, premium insurans, bayaran berkaitan dengan kerajaan, bayaran melalui www.pbebank.com dan ATM, apa-apa pulangan balik, urus niaga yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau berbentuk penipuan, pendahuluan tunai/ pengeluaran tunai, tunai sebahagian, urus niaga kasino, bayaran faedah, fi tahunan, kebalikan, bayaran kepada badan-badan kebajikan, apa-apa bentuk perkhidmatan dan/atau apa-apa fi rencam.

13. Pulangan Tunai dihadkan pada RM50 setiap Ahli Kad yang Layak setiap bulan, atas dasar siapa cepat dia dapat.

14. Bank memperuntukkan pembayaran Pulangan Tunai maksimum sebanyak RM50,000 setiap bulan dan RM200,000 sepanjang Tempoh Kempen. Bayaran Pulangan Tunai adalah seperti yang berikut:-

Bulan	Tempoh Kempen	Peruntukan Pulangan Tunai
1	1 September 2021 – 30 September 2021	RM50,000
2	1 Oktober 2021 - 31 Oktober 2021	RM50,000
3	1 November 2021 – 30 November 2021	RM50,000
4	1 Disember 2021 – 31 Disember 2021	RM50,000
JUMLAH		RM200,000

15. Bayaran Pulangan Tunai yang diperoleh oleh Ahli Kad yang Layak akan dikesan dengan cara yang berikut:-

SMS yang Diterima dalam Sebulan				
	Bulan 1	Bulan 2	Bulan 3	Bulan 4
Urus niaga yang Layak dalam setiap Bulan yang Dikesan				
Bulan 1	✓	✓	✓	✓
Bulan 2	-	✓	✓	✓
Bulan 3	-	-	✓	✓
Bulan 4	-	-	-	✓

16. Pulangan Tunai akan dikreditkan dalam akaun Ahli Kad yang Layak dalam tempoh EMPAT (4) hingga DUA BELAS (12) minggu selepas setiap akhir bulan berikutnya dan selepas kesemua terma dan syarat yang disenaraikan dipenuhi.
17. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukarkan dengan tunai atau barang terlebih dahulu.
18. Ahli Kad yang Layak yang mengambil bahagian dalam Kempen ini semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk Tawaran Penggunaan Kad Debit PB yang lain. Semua urus niaga oleh Ahli Kad yang Layak yang mengambil bahagian dalam Kempen ini semasa Tempoh Kempen akan dikecualikan daripada Tawaran Penggunaan Kad Debit PB yang lain.
19. Sekiranya berlaku penarikbalikan nilai beli Urus niaga yang Layak selepas Pulangan Tunai dikreditkan dalam akaun Ahli Kad yang Layak, Ahli Kad yang Layak perlu membayar balik kepada Bank keseluruhan Pulangan Tunai yang telah dikreditkan dalam akaunnya.

20. Sekiranya terdapat pertikaian atau Pulangan Tunai tidak diterima, Ahli Kad yang Layak dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Kad PB (03-2176 8000) paling lewat sebelum 31 Mac 2022. Tiada pertanyaan akan dilayani selepas 31 Mac 2022.

Terma dan Syarat Am

21. Bank berhak untuk menukar, meminda, memotong atau menambah Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar mengenai perubahan, pindaan, potongan atau penambahan tersebut yang hendaklah disiarkan dalam laman web Bank www.pbebank.com.
22. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad yang Layak:
 - 22.1 dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini. Keputusan Bank adalah terakhir, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayani;
 - 22.2 bersetuju dan mengizinkan maklumat mengenai Ahli Kad yang Layak diproses, dikumpul, digunakan atau disimpan oleh Bank bagi tujuan Kempen ini;
 - 22.3 bersetuju bahawa keputusan Bank adalah terakhir, mengikat dan konklusif dan tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani; dan
 - 22.4 bersetuju dan mengizinkan bahawa Bank, mengikut keadaannya, boleh menggunakan nombor telefonnya yang berdaftar untuk tujuan pemasaran dalam lingkungan Bank.
23. Public Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau gambaran salah mengenai fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkenaan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
24. Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan atau penamatan Kempen ini oleh Bank tidak melayakkan Ahli Kad yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap Bank bagi semua atau mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad yang

Layak diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan berkenaan.

25. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau berikutan daripadanya, atas apa-apa kerugian dan ganti rugi atau apa juga pun yang dialami oleh Ahli Kad yang Layak, secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, berikutan penyertaan mereka dalam Kempen ini daripada apa-apa tindakan atau apa yang tertinggal oleh Bank.
26. Terma dan Syarat dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad Ahli Kad yang Layak. Sekiranya terdapat pertikaian antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana ia berkaitan dengan “Dapatkan Pulangan Tunai RM50 SETIAP BULAN dengan Kad Debit PB”.
27. Jika terdapat konflik, pertikaian atau perubahan dalam terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

TAMAT